

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI  
[ TUMPAT ]**

**TARIKH : 25 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan strategi memastikan tadbir urus baik dalam syarikat-syarikat berkepentingan Kerajaan seperti GLC atau Badan Berkanun sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu inisiatif yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 di bawah strategik memupuk tadbir urus baik dalam entiti korporat adalah memperkenalkan dasar berhubung pelantikan ahli politik sebagai Pengerusi atau Ahli Lembaga Pengarah dalam Badan Berkanun, Syarikat Berkepentingan Kerajaan dan Syarikat Terhadap Dengan Jaminan (CLBG) yang ditubuhkan oleh Kerajaan berasaskan kepada keperluan syarikat dan kelayakan calon dari segi akademik, kelayakan profesional, kemampuan, kepakaran dan pengalaman. Ia juga adalah supaya syarikat-syarikat ini dapat beroperasi secara profesional dengan kakitangan berkelayakan tanpa campur tangan ahli politik sebagai langkah menangani risiko rasuah. Inisiatif yang digariskan dalam NACP ini juga menekankan supaya pelantikan mana-mana individu hendaklah dalam kalangan yang berintegriti tinggi memimpin GLC bersandarkan merit dan kelayakannya.

Pindaan sedang dibuat ke atas Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 mengenai "Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Pegawai Eksekutif Dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan" dan tidak terhad kepada Badan Berkanun dan Syarikat Milik Kerajaan (SOEs) di bawah Kementerian Kewangan sahaja berhubung dasar, prinsip dan peraturan semasa berkaitan pelantikan mana-mana Pengurusan Tertinggi di Badan Berkanun Persekutuan dan anak syarikat termasuklah pelaksanaan tapisan integriti dalam pemilihan Ahli Lembaga Pengarah Badan Berkanun Persekutuan.

Sekian, terima kasih.